

**NO SOALAN :55**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG  
(SEGAMBUT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.03.2015**

**Y.B. TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status siasatan terhadap Datuk Tong Kooi Ong yang dituduh terlibat taruhan nilai ringgit dan memanipulasi mata wang bertujuan menjatuhkan nilainya untuk mengaut keuntungan peribadi bagi mensabotaj ekonomi negara seperti yang didakwa dalam beberapa blog internet. Sekiranya tuduhan itu palsu, siapakah dalang blog-blog tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini

bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Mata wang serantau yang lain turut mengalami penyusutan nilai antara 1.1% sehingga 10.1% berbanding dolar AS bagi tempoh September 2014 hingga 5 Mac 2015. Pengukuhan dolar AS ini adalah disebabkan oleh prospek ekonomi AS yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut mengalami kesan ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia.

3. Dalam mengikuti pergerakan nilai mata wang ringgit, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa berwaspada terhadap aktiviti yang menimbulkan gangguan dalam pasaran pertukaran mata wang asing bagi memastikan ringgit tidak terdedah kepada serangan spekulasi. Sehubungan itu, BNM melakukan pemantauan harian terhadap pasaran mata wang bagi memastikan pergerakan pasaran mata wang adalah teratur. Bank-bank di Malaysia juga adalah dilarang daripada membenarkan seseorang individu mahupun syarikat korporat daripada mengambil kedudukan menjual singkat, dengan izin, *short selling* ringgit Malaysia kerana ini tidak dibenarkan berdasarkan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing.

3. Selain itu, BNM turut mempunyai peruntukan undang-undang yang berkaitan untuk menghalang aktiviti spekulasi terhadap ringgit di Malaysia dan di luar pesisir. Malah, berdasarkan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing, sebarang transaksi mata wang oleh penduduk tempatan atau transaksi yang melibatkan ringgit mestilah dilaksanakan melalui bank tempatan yang berlesen.

4. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, aktiviti purata harian bagi pasaran mata wang Malaysia juga adalah besar dan berjumlah dolar AS 11.8 bilion pada tahun 2014. Oleh itu, jika berdasarkan jumlah transaksi yang sebegini besar, kemungkinan bagi seseorang individu untuk mempengaruhi nilai ringgit adalah amat kecil.

5. Manakala, dari segi polisi makroekonomi secara keseluruhannya, pengurusan makroekonomi yang baik adalah amat penting bagi menggalakkan asas-asas ekonomi yang kukuh dan mapan. Sekiranya kekuatan ini ditunjukkan di dalam penunjuk-penunjuk ekonomi, ianya akan dapat membantu mengukuhkan pandangan dan jangkaan pasaran pelabur

secara keseluruhannya dan seterusnya mengurangkan peluang bagi aktiviti spekulasi yang boleh menyebabkan ketidakstabilan.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Dalam keadaan pergerakan nilai mata wang ringgit sedia ada, ekonomi negara tidak tergugat dengan aktiviti sabotaj kewangan atau ekonomi sebegini kerana ekonomi negara kekal berada pada landasan pertumbuhan yang mapan serta disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh seperti kadar pengangguran yang rendah, sistem kewangan yang teguh, kadar inflasi yang terkawal serta rizab antarabangsa yang tinggi. Tambahan pula, pihak penguat kuasa undang-undang dan pelbagai pengawal selia, dengan izin, *regulator* termasuk agensi Kerajaan dan BNM sentiasa berwaspada dan memantau tindakan golongan yang mensabotaj kewangan dan ekonomi negara.